

<p>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Long Term Fire Takaful for LPPSA”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma am dan syarat-syarat.)</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD</p> <p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>IKHLAS LONG TERM FIRE TAKAFUL FOR LPPSA</p> <p>Tarikh : xx/xx/xxxx</p>
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Produk ini memberikan perlindungan ke atas kerugian atau kerosakan bangunan disebabkan oleh kebakaran, kilat, atau peril yang dilindungi. Tempoh perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada jangka masa pembiayaan yang dipersetujui di antara Peserta Takaful dengan pembiaya iaitu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).</p> <p>Produk ini dipakejkan bersama <i>IKHLAS Mortgage Reducing Term Takaful for LPPSA</i>.</p>	
<p>2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <p>Tabarru’ – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko.</p> <p>Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (<i>ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</p>	
<p>3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <p>Sijil Takaful ini melindungi :</p> <p>Kerugian atau kerosakan terhadap bangunan akibat faktor –faktor (peril) di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kebakaran dan Kilat (b) Letupan - domestik <p>Nota : <i>Senarai di atas adalah tidak muktamad. Sila rujuk Sijil Takaful untuk butiran lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat peril.</i></p>	
<p>4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu saya bayar?</p> <p>Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah berbeza berdasarkan Amaun Dilindungi yang dinilai ke atas bangunan anda dan tempoh Takaful yang bergantung kepada jangka masa pinjaman.</p>	
<p>5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?</p> <p>Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:</p> <p>Bayaran yang perlu dijelaskan di samping jumlah Sumbangan Takaful:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan <p>Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran Wakalah <ul style="list-style-type: none"> ✓ Komisyen : sehingga 15% dari Sumbangan Takaful ✓ Perbelanjaan Pengurusan : sehingga 15% dari Sumbangan Takaful <p>Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran Pembatalan : RM10.00 <p>Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membuat tuntutan dan perlu menguatkuasakan semula Sijil Takaful ini</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran Penguatkuasaan Semula : RM15.00 	

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pengisytiharan Makluman

- Anda dikehendaki memaklumkan semua fakta material seperti rekod kerugian atau kerosakan yang pernah dialami, jenis binaan bangunan yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, Sijil Takaful ini akan dianggap tidak sah.
- Anda harus memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Sijil Takaful ini.

Waranti Sumbangan

- Adalah asas dan syarat khas mutlak kontrak Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful termaktub mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini/ endosmen/ pembaharuan Sijil Takaful.
- Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak Takaful ini dibatalkan secara automatik dan pihak Syarikat berhak ke atas Sumbangan Takaful pro-rata dalam tempoh pihak Syarikat menanggung risiko.

Jumlah untuk Dilindungi

- Anda harus memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan.
- Anda harus memaklumkan kami sekiranya nilai harta anda telah meningkat. Kami akan mengeluarkan endorsmen untuk mengubah Amaun Dilindungi mana tertakluk kepada Sumbangan Takaful tambahan pro-rata.
- Anda akan menanggung sendiri sebahagian kerugian yang dihitung daripada amaun dilindungi yang tidak mencukupi.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

Penguatkuasaan Semula Amaun Dilindungi

- Sekiranya berlaku kerugian, jumlah penuh Amaun Dilindungi di bawah Takaful ini hendaklah dikekalkan di mana Anda dikehendaki untuk membayar Sumbangan Takaful tambahan secara pro-rata berdasarkan jumlah kerugian dikira dari tarikh kerugian sehingga tarikh Ulang Tahun Sijil Takaful.
- Jika Sumbangan Takaful untuk penguatkuasaan semula tidak dibayar, Anda akan terdedah kepada risiko kurang dilindungi dan perkongsian kadar kerugian berdasarkan Fasal "Purata" dari tarikh kerugian sehingga tarikh Ulang Tahun Sijil Takaful berikutnya.
- Pada Ulang Tahun Sijil Takaful, Amaun Dilindungi akan dikuatkuasakan semula kepada amaun yang dinyatakan dalam Jadual.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
- Sebarang tindakan keganasan;

- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletak hartanya tersebut;
- Kerugian atau kerosakan kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
- Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
- Apa-apa jenis Kerugian Turutan atau kerosakan kecuali Takaful Sewa.

Nota : *Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak Syarikat tertakluk kepada persetujuan dari LPPSA. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro-rata bagi baki tempoh Takaful atau sumbangan minimum di bawah Sijil Takaful ini. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful Pemilik Rumah, sila rujuk kepada buku panduan info insurans mengenai "Takaful Pemilik Rumah". Anda boleh dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan, sila hubungi kami di:

Cawangan Putrajaya,
Takaful Ikhlas General Berhad
No 12, Jalan Diplomatik,
P15 Presint 15, 62050 Putrajaya.

Tel: +603 8890 3100
Faks: +603 8890 5100
Laman Web : www.takaful-ikhlas.com.my
E-mel : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Houseowner/Householder Takaful

NOTA PENTING :

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENAKIBATKAN PEMBATALAN KONTRAK TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN INI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada xx/xx/xxxx